

PENILAIAN KENDIRI PARA PELAJAR TERHADAP PENGAJIAN QIRAAT: SATU KAJIAN DESKRIPTIF

Zainora Binti Daud
zainora@usim.edu.my
*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia*

Noorhasnira Binti Ibrahim
*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia*

ABSTRAK

Penilaian sendiri memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kecemerlangan para pelajar dalam suatu bidang ilmu pengetahuan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti latarbelakang pelajar serta kurikulum Qiraat dan menilai sendiri mereka terhadap pengajian Qiraat. Tahap nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperolehi bagi semua instrumen dalam dua set soal selidik adalah tinggi (>0.8). Kajian ini dilakukan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kaedah kuantitatif dengan menggunakan metode soal selidik. Sebanyak 201 soal selidik diedarkan kepada responden yang terlibat dengan subjek Pengantar Qiraat dan Hafazan, Qiraat Amali I dan Qiraat Amali II. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa penilaian sendiri pelajar dalam pengajian Qiraat berada di tahap baik dan pelajar sangat meminati subjek-subjek yang ditawarkan dalam bidang pengajian Qiraat di FPQS, USIM. Walau bagaimanapun, masih terdapat para pelajar yang kurang berkeyakinan dalam menguasai pengajian Qiraat dan memerlukan suntikan semangat serta motivasi diri untuk mengekalkan nilai-nilai sendiri yang positif dalam diri mereka.

Kata Kunci: *Kendiri, qiraat, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.*

PENGENALAN

Konsep sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita (Jamaluddin). Kendiri bermaksud sendiri, kekendirian pula keadaan atau sifat sendiri (Kamus Dewan, 2005). Ini bermakna konsep sendiri sangat penting dibina kerana ia mempengaruhi keberkesanan dan penguasaan sesuatu bidang.

Terdapat pelbagai istilah qiraat yang dinyatakan para ulama dalam kitab-kitab mereka. Imam Ibn al-Jazari mendefinisikan qiraat sebagai ilmu berkenaan cara menyebut kalimah-kalimah al-Qur'an dan perbezaannya yang disandarkan kepada pembawa-pembawanya (al-Jazari, (1400H/1980M), Qiraat juga sebagai suatu ilmu yang membahaskan tentang cara menyebut kalimah-kalimah al-Qur'an dan jalan menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan kepada perawinya (Abd al-Fattāh al-Qāḍī, 1955).

Sehubungan dengan itu artikel ini dikongsikan untuk mengkaji subjek-subjek dalam bidang pengajian qiraat yang ditawarkan di di FPQS, USIM kalangan pelajar dari dari aspek latarbelakang dan penilaian sendiri supaya dapat meningkatkan kekuatan pengajian Qiraat di peringkat tinggi.

PENGENALAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-12 di Malaysia. USIM yang dahulunya dikenali sebagai KUIM telah ditubuhkan 11 Jun 1997 atas cetusan idea oleh Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan disokong oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar universiti. Kini KUIM dikenali dengan nama USIM sejak berkuatkuasa pada 1 Februari 2007 (<http://www.usim.edu.my/ms/pengenalan>).

Matlamat USIM adalah menjadi peneraju dalam segenap aspek ilmu dan sebagai pusat rujukan global untuk integrasi ilmu Naqli dan Aqli. Di antara tujuan penubuhan KUIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan ICT dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. USIM bertekad cemerlang dalam tiga landasan melalui program akademik dan penyelidikan. Antaranya ialah: Pengajian Islam, Quran dan Sunnah, Sains Islam, Teknologi dan Kejuruteraan, Kesusasteraan Islam, Sains Sosial dan Kemanusiaan Ketiga-tiga landasan ini disokong oleh lima (5) Pusat Kecemerlangan

yang bertanggungjawab untuk meningkatkan persekitaran penyelidikan (<http://www.usim.edu.my/ms/pengenalan>)

Falsafah penubuhan USIM ialah paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Ini adalah selaras dengan manifestasi Kerajaan untuk melahirkan pemimpin Islam yang berwibawa dan dapat memelihara kepentingan negara dan umat Islam sepenuhnya. Malahan untuk menjadikan Malaysia sebagai model utama negara-negara Islam di dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dengan menggunakan kurikulum tempatan untuk memastikan keutuhan Islam dalam negara demi merealisasikan pembinaan tamadun baru Islam. Ia juga bertujuan untuk mengembalikan ketokohan ilmu Islam yang semakin merosot (<http://www.usim.edu.my/ms/pengenalan>).

Pada awal penubuhannya, pusat pengajian ini dijangka beroperasi pada Mei 1998 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Petaling Jaya, Selangor, apabila UIA berpindah ke kampus tetapnya di Gombak tetapi tidak dapat direalisasikan kerana masalah ekonomi. Akhirnya memulakan operasinya di tingkat 5, Fakulti Pengajian Islam UKM dan pada bulan Januari tahun 2000. Kemudian telah berpindah ke IPB di Kampung Pandan, Kuala Lumpur dengan pengambilan pelajar pertama sesi 2000/2001 seramai 255 orang dalam tiga bidang pengajian iaitu Pengajian Syariah dan Kehakiman, Pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan Pengajian Dakwah dan Pengurusan Islam. Kini USIM telah berjaya mengorak langkahnya dengan memiliki kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan dan mempunyai pelajar tempatan seramai 12129 orang serta 695 pelajar antarabangsa. Sehingga kini USIM mempunyai 68 program akademik serta beberapa fakulti pengajian, antaranya Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Syariah dan Undang-undang serta lain-lain (<http://www.usim.edu.my/ms/sejarah-awal-penubuhan>)

1. Pengenalan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) merupakan sebuah fakulti yang pertama ditubuhkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2001 dengan penawaran satu program iaitu program pengajian Quran dan Sunnah. Dan pada sesi 2005/2006 terdapat dua program pengajian baru ditawarkan iaitu program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia (Dengan Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat (Dengan Kepujian).

Kini FPQS telah menawarkan program-program pengajian peringkat prasiswazah dan pascasisiwazah iaitu:

- 1) Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah
- 2) Ijazah Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah
- 3) Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keupujian
- 4) Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran Dengan Multimedia dengan Keupujian
- 5) Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah Dengan Pengurusan Maklumat
- 6) dengan Keupujian
- 7) Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keupujian USIM di Darul Quran

Di antara tujuan penubuhannya ialah untuk memartabatkan pengajian Quran dan Sunnah dalam arus perdana pendidikan negara dengan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Di samping itu, ia turut bertujuan untuk mengembangkan lagi Syiar Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan dan hikmah yang terkandung di dalam kitab suci Quran dan Sunnah kepada masyarakat dan Negara (<http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/penubuhan>).

Visi penubuhan FPQS ialah untuk memartabatkan Al-Quran dan Sunnah dalam melahirkan insan yang berteraskan pendidikan Islam dan teknologi terkini yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat (<http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/misi-visi>).

Penubuhan FPQS ialah bertujuan untuk melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan sempurna dalam masyarakat terutama dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah seperti guru, penyelidik, pegawai, perekabentuk system maklumat, pengurus sumber maklumat, usahawan dan pelbagai lagi (<http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/objektif>).

2. Struktur Kurikulum Pengajian Qiraat

Kursus-kursus yang diambil oleh pelajar berkaitan pengajian qiraat ialah kursus Pengantar Qiraat dan Hafazan merupakan kursus di bawah wajib program Quran dan Sunnah, dan Qiraat Amali I serta Qiraat Amali II merupakan kursus wajib di bawah program Quran dan Multimedia serta subjek elektif program Quran dan Sunnah. Ketiga-tiga subjek terlibat dengan kuliah dan tutorial.

Dua jam kredit subjek Pengantar Qiraat Hafazan yang mewakili 2 jam kuliah dan 1 jam tutorial selama empat belas minggu satu semester. Manakala subjek Qiraat Amali I dan II yang mewakili 3 jam kredit yang mewakili 2 jam kuliah dan 2 jam tutorial tetapi berlaku perubahan dengan 2 jam kuliah serta 1 jam tutorial dalam dua semester selama 28 minggu (Rangka Kursus Subjek Program Quran dan Sunnah serta Subjek Quran dan Multimedia, dalam Dokumen MQA Program Quran dan Sunnah, FPQS,USIM 2011).

Bil	Kod	Kursus	Kredit	Semester	Program	Status
1	QQQ1062	Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	2	QS	WP
2	QBA3013/ QQQ 3153	Qiraat Amali I	3	5	QM	WP/E (QS)
3	QBA302/ QQQ 3163	Qiraat Amali II	3	6	QM	WP/E (QS)

Jadual 1: Nama-nama Kursus Qiraat dan Taburan Jam Kredit di FPQS, USIM

Kesimpulan berdasarkan jadual kursus-kursus pengajian qiraat di FPQS menunjukkan bahawa hasil pembelajaran dan pembentukan kemahiran:

a) Pengantar Qiraat dan Hafazan

Setelah menghabiskan kursus ini, para pelajar berupaya untuk:

1. Menghuraikan latar belakang ilmu Qira'at, perkembangannya dan hubungkaitnya dengan al-Quran.
2. Menjelaskan jenis-jenis Qira'at di dalam al-Quran dan mampu mengenalpasti perbezaan antara Qira'at mutawatirah dan Qira'at shadhdhah.
3. Mengkaji sejarah ketujuh-tujuh imam Qira'at beserta perawi mereka dan menunjukkan cara bacaan bagi mereka serta menerangkannya kepada masyarakat.
4. Menilai syubhat falsafah barat berkaitan percanggahan Qira'at di dalam al-Quran serta kritikan terhadap syubhat mereka.
5. Menghafaz surah al-Sajdah serta mempamerkan bacaan bagi surah tersebut menurut tujuh jenis qira'at yang mutawatir.
6. Pelajar akan mampu memahami metode-metode bacaan al-Quran bagi setiap imam qira'at serta mampu mengenalpasti perbezaan bacaan al-Quran antara satu imam dengan imam-imam yang lain.

b) **Kursus Qiraat Amali I**

Di akhir semester, pelajar akan berupaya:

1. Mengikuti bacaan qiraat imam-imam tujuh menerusi Surah al-Fatihah sehingga ayat 141 Surah al-Baqarah.
2. Membentangkan kaedah-kaedah usul bacaan imam-imam tujuh.
3. Membaca al-quran dengan bacaan qiraat imam-imam tujuh berpandukan mushaf qiraat.
4. Pelajar akan mampu memahami ilmu qiraat secara dirayah dan mengenali bibliografi imam-imam qiraat tujuh mutawatirah dan kaedah-kaedah bacaan mereka, seterusnya mampu mengaplikasikan qiraat tujuh menerusi juzu' pertama al-Quran al-Karim secara jama'.

c) **Kursus Qiraat Amali II**

Di akhir semester, pelajar akan berupaya:

1. Menerangkan kaedah bacaan qiraat imam-imam beserta perawi mereka secara umum.
2. Menunjukkan bacaan qiraat tujuh menerusi Surah al-Baqarah daripada ayat 75 hingga ayat 252.
3. Mengamalkan bacaan-bacaan qiraat tujuh di dalam ibadah harian secara individu atau di dalam masyarakat.
4. Membezakan bacaan antara Qiraat tujuh.
5. Pelajar akan mampu memahami ilmu qiraat secara dirayah dan mengenali bibliografi imam-imam qiraat tujuh mutawatirah dan kaedah-kaedah bacaan mereka, seterusnya mampu mengaplikasikan qiraat tujuh menerusi juzu' 1 hingga 2 al-Quran al-Karim secara jama' (Dokumen MQA Program Quran dan Sunnah, FPQS,USIM 2011).

METODOLOGI

Metodolgi yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu sample serta metod pengumpulan dan instrumen.

Sample Dan Metod Pengumpulan Data

Pengkaji memilih bilangan saiz sampel pelajar berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan dalam Educational and Psychological Measurement jika populasi dalam 427 orang saiz sample yang dicadangkan ialah 201 responden. Pemilihan responden kalangan pelajar adalah dipilih secara rawak berstrata dan seimbang (proportionate stratified random sampling) dalam bidang pengajian Quran dan Sunnah serta Quran

Multimedia. Pelajar yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran pengajian qiraat dan mempunyai maklumat di dalam bidang kurikulum qiraat di FPQS. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah secara kuantitatif.

Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Pengkaji telah mengemukakan satu set soal selidik yang terdiri dua bahagian iaitu bahagian A latarbelakang pelajar dan bahagian B berkaitan sendiri pelajar dengan menggunakan skala lima tahap iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS) dalam item penilaian sendiri.

Umumnya soal selidik digunakan untuk meninjau isu umum, ciri populasi, program nasional dan sebagainya dengan tujuan mengukur atau menghuraikan ciri-ciri umum (Mok Soon Sang,) Penggunaan soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan jika saiz sample adalah besar (Mohd Majid Konting, 1998).

Instrumen soalselidik yang digunakan dalam kajian ini adalah adaptasi dari tesis PhD Zainora bin Daud, (2015), *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran, JAKIM Dan Ma'ahad-Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan membincangkankan profil responden, manakala bahagian kedua pula berkaitan dapatan penilaian sendiri dalam pengajian Qiraat di FPQS.

Analisis Profil Responden

Item		Kekerapan	Peratusan
Nama Program	QS	138	68.7%
	QM	63	31.3%
Jantina	Lelaki	37	18.4%
	Perempuan	164	81.6%
Kelulusan masuk	SPM	2	1.0%
	STAM	149	74.1%
	STPM	30	14.9%
	Diploma	8	4.0%
	Lain-lain	12	6.0%

Belajar <i>qirā'at</i> sebelum ke FPQS	Pernah	51	25.4%
	Tidak Pernah	150	74.6%
Mendengar bacaan <i>qirā'at</i> selain <i>riwāyah</i> Ḥafṣ sebelum ke FPQS	Pernah	130	64.7%
	Tidak Pernah	71	35.3%
Pendorong mempelajari <i>qirā'at</i>	Diri Sendiri	65	32.3%
	Ibu/Bapa/Penjaga	9	4.5%
	Rakan	6	3.0%
	Guru	95	47.3%
	Lain-lain	26	12.9%
Tahap penguasaan <i>qirā'at</i>	Sangat Baik	3	1.5%
	Baik	46	22.9%
	Sederhana	134	66.7%
	Lemah	12	6.0%
	Sangat Lemah	5	2.5%
Tahap penguasaan al-Qur'an	Sangat Baik	21	10.4%
	Baik	135	67.2%
	Sederhana	43	21.4%
	Lemah	2	1.0%
	Sangat lemah	0	0%
Tahap penguasaan Tajwid	Sangat Baik	21	10.4%
	Baik	130	64.7%
	Sederhana	47	23.4%
	Lemah	3	1.5%
	Sangat Lemah	0	0%

Jadual 2. Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Sumber: Soal Selidik

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan responden dalam bidang pengkhususan Quran dan Sunnah iaitu 68.7% melebihi pengkhususan Quran dan Multimedia iaitu 31.3%. Dari aspek jantina, bilangan pelajar perempuan (81.6%) mengatasi bilangan pelajar lelaki (18.4%). Dari aspek kelulusan memasuki bidang pengajian di FPQS, USIM, majoriti berkelulusan STAM (74.1%), STPM (13.9%), lain-lain (6.0%), Diploma (4.0) dan SPM (2.0). Sebanyak 74.6% responden tidak pernah belajar Qiraat sebelum memasuki FPQS, USIM berbanding 25.4% yang pernah

belajar. Seramai 64.7% responden pernah mendengar bacaan Qiraat selain bacaan riwayat imam Hafs 'an Ashim berbanding yang tidak pernah mendengar 35.3%. Dari aspek pendorong utama belajar Qiraat, factor utama guru 47.3%, diri sendiri 32.3%, lain-lain 12.9%, ibubapa 4.5% dan rakan 3.0%. Dari aspek tahap penguasaan qiraat, di tahap sederhana 66.7%, 22.9% baik, 6.0% lemah, sangat lemah 2.5% dan 1.5% sangat baik. Dari aspek tahap penguasaan al-Quran, tahap baik 67.2%, sederhana 21.4%, sangat baik 10.4% dan lemah 1.0%. Manakala dari aspek penguasaan ilmu tajwid pula, tahap baik 64.7%, 23.4% sederhana, 10.4% sangat baik dan 1.5% adalah lemah.

Analisis Penilaian Kendiri Pelajar

Jadual 3. di bawah menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min persetujuan pelajar terhadap penilaian sendiri kurikulum qirā'at. Min keseluruhan item penilaian sendiri kurikulum qirā'at ialah 3.43 dan sisihan piawai 0.93 berada pada tahap sederhana tinggi

Penilaian Terhadap Konteks	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya meminati ilmu <i>Qirā'at</i>	5 2.5%	2 1.0%	20 10.0%	117 58.2%	57 28.4%	4.08	0.80	Tinggi
Saya suka belajar Qiraat Ilmi dan Qiraat Amali	5 2.5%	6 3.0%	17 8.5%	118 58.7%	55 27.4%	4.05	0.83	Tinggi
Kurikulum <i>Qirā'at</i> tidak sukar dikuasai	4 2.0%	20 10.0%	74 36.8%	89 44.3%	14 7.0%	3.44	0.84	Sederhana Tinggi
Kurikulum <i>Qirā'at</i> sangat penting dalam bidang al-Qur'an	4 2.0%	7 3.5%	27 13.4%	106 52.7%	57 28.4%	4.01	0.86	Tinggi
*Saya malu membaca <i>Qirā'āt Sab'ah</i>	52 25.9%	54 26.9%	59 29.4%	27 13.4%	9 4.5%	2.43	1.14	Sederhana Rendah

*Saya berasa rendah diri bila membaca <i>Qirā'āt Sab'ah</i>	42	44	67	38	10	2.65	1.15	Sederhana Rendah
	20.9%	21.9	33.3%	18.9%	5.0%			
		%						
Min Keseluruhan						3.43	0.93	Sederhana Tinggi

Jadual 3: Penilaian Kendiri Pelajar Terhadap Pengajian Qiraat

Sumber: Soal Selidik

Hasil dapatan dalam jadual di atas menunjukkan terdapat tiga item berada di tahap tinggi iaitu item sangat meminati ilmu Qiraat (min=4.08, sp=0.80) responden sangat setuju 28.4% dan setuju 58.2%, item suka belajar Qiraat secara teori dan amali (min=4.05, sp=0.83) responden sangat setuju 27.4% dan setuju 58.7%, dan kurikulum Qiraat amat penting dalam bidang al-Quran (min=4.01, sp=0.86) responden sangat setuju 7.0% dan setuju 44.3%.

Dua item menunjukkan min sederhana rendah iaitu item saya malu membaca *Qirā'āt Sab'ah* (min=2.43, sp=1.14) dengan responden sangat tidak setuju 25.9%, tidak setuju 26.9%, kurang setuju 29.4%, setuju, 13.4% dan sangat setuju 4.5% dan item saya berasa rendah diri bila membaca *Qirā'āt Sab'ah* (min=2.72, sp=1.30) dengan responden sangat tidak setuju 20.9%, tidak setuju 21.9%, kurang setuju 33.3%, setuju 18.9% dan sangat setuju 5.0%.

Hanya terdapat satu item berada di tahap sederhana tinggi iaitu item kurikulum qiraat tidak sukar dikuasai (min=3.44, sp=0.84) responden sangat setuju 34.6% dan setuju 47.8%.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dikemukakan oleh responden, maka dapat disimpulkan dari kajian ini ialah:

- 1) Semua pelajar yang terlibat dengan p&p pengajian Qiraat ialah mereka yang terdiri daripada bidang al-Quran. Ini dibuktikan bidang pengkhususan mereka dan ditambah dengan 149 responden memiliki sijil STAM serta lapan orang pelajar dalam bidang Diploma Tahfiz al-Quran.
- 2) Aspek pendedahan asas ilmu Qiraat, 150 orang pelajar tidak mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan Qiraat tetapi 130 orang pelajar pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafs 'an 'Ashim. Ini bermakna mereka juga pernah mendapat pendedahan awal berkaitan pengajian Qiraat tetapi tidak mendalami secara serius.

- 3) Aspek tahap penguasaan dalam Qiraat, al-Quran dan ilmu tajwid pula menunjukkan tahap penguasaan al-Quran berada di tahap tinggi berbanding dengan ilmu tajwid dan Qiraat.
- 4) Guru merupakan faktor utama dan terpenting sebagai pendorong dalam pengajian Qiraat. Konsep sendiri dipengaruhi oleh factor persekitarannya seperti ibu bapa, keluarga, guru, rakan sebaya dan juga masyarakat sekeliling (Azizi Yahaya)
- 5) Aspek penilaian sendiri diri menunjukkan bahawa pelajar sangat minat dan suka belajar Qiraat dari aspek teori dan amali. Mereka juga memngetahui bahawa pengajian qiraat sangat penting dipelajari dalam bidang al-Quran. Hasil temubual juga menunjukkan bahawa mereka juga bersetuju bahawa Qiraat juga mempunyai hubungkait dalam bidang tafsir, fiqh dan sebagainya.
- 6) Hampir 51% dari responden mengakui kesukaran untuk menguasai Qiraat. Walaupun hanya 17.9% sahaja yang malu membaca Qiraat dan 23.9% sahaja yang rasa rendah diri ketika membaca Qiraat.

PENUTUP

Hasil kajian menunjukkan tahap penilaian sendiri pelajar berada di tahap yang baik. Namun perlu kepada pemurnian dan penambahbaikan secara berterusan agar dapat membina nilai-nilai positif dalam sendiri pelajar bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan mereka dalam pengajian qiraat. Keyakinan yang tinggi yang ada dalam diri individu sendiri juga dapat membentuk konsep sendiri yang positif dalam dirinya (Jamaluddin)

RUJUKAN

- Abd al-Fattāh al-Qādī, (1415H/1955M).al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'āt al' Ashr al-Mutawātirah min ṭariqay al-Shāṭibīyyah wa al-Durrah (Qāherah:Maktabah 'Īsā al-Bāb al-Ḥalabī,
- Azizi Bin Yahaya & Norlaily Binti Ahmad, Teori-teori Konsep Kendiri, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dalam [http:// eprints.utm.my/10368/3/Norlaily_Binti_Ahmad.pdf](http://eprints.utm.my/10368/3/Norlaily_Binti_Ahmad.pdf) dicapai pada 30 Mac 2018.
- Dokumen MQA Program Quran dan Multimedia, FPQS,USIM 2011
- Dokumen MQA Program Quran dan Sunnah, FPQS,USIM 2011
- <http://www.usim.edu.my/ms/pengenalan>
- <http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/misi-visi>
- <http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/objektif>
- <http://fpqs.usim.edu.my/info-fpqs/penubuhan>
- <http://www.usim.edu.my/ms/kemasukan>
- <http://www.usim.edu.my/ms/sejarah-awal-penubuhan>

- Jamaluddin Ramli, Pengertian Konsep Kendiri dalam <http://eprints.utm.my/10353/1/bab6.pdf> dicapai pada 30 Mac 2018.
- Kamus Dewan, 2005. Ed. ke-4 cet.per-1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting, 1998. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. 1990; cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. 2009. Literature dan Kaedah Penyelidikan. Terb.1. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Alī bin Yūsuf Ibn al-Jazārī, (1400H/1980M), Munjid al-Muqrī’ in wa Murshīd al-Ṭālibīn, Qāherah: Maktabah al-Qudsī.
- Nunally J.C, Psychometric Theory Ed.ke-2, United State of America: Mc Graw Hill, 1978.
- Pallant, Julie, SPSS Survival Manual A step by step guide to data analysis using SPSS. Ed.ke-4. Australia: Allen&Unwin, 2011.
- Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan 1970. “Determining Sample Size for Research Activitie dalam Educational and Psychological Measurement”, Vol. 30. Duluth: University of Minnersota.
- Stufflebeam, Daniel L., 2003. The CIPP Model for Evaluation, Dordrecht: Kluwer Academic Publisher International Handbook of Education.
- Zainora bin Daud, 2015. Penilaian Perlaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran, JAKIM Dan Ma’ahad-Ma’ahad Tahfiz Al-Qur’an Di Malaysia, Tesis PhD UM: Kuala Lumpur.